

CIAK URASIA
Eurasian Tree Sparrow

FAMILI: Passeridae
NAMA SAINTIFIK: *Passer montanus*



CIRI-CIRI

Individu dewasa mempunyai bahagian sisi kepala yang berwarna putih di mana terdapat tompokan berwarna hitam pada bahagian ini manakala bahagian atas kepala dan belakang tengkuk berwarna kuning langsung kemerahan yang pudar. Bagi individu juvenil pula, warnanya adalah lebih pudar di mana bahagian atas kepala berwarna coklat pudar serta terdapat tanda pada bahagian hadapan atas kepala ini.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa bagi spesies ini adalah di antara 14.0-14.5 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada biji-bijian, pucuk dan tunas tumbuhan serta serangga-serangga kecil.

HABITAT

Kawasan-kawasan yang dibangunkan, kawasan penempatan manusia serta kawasan pinggir hutan pada ketinggian sehingga ke 1,830 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang berulang-ulang diselangi dengan bunyi *tsooit*, *tsreet* dan *tswee-ip*. Ini termasuklah bunyi *chip* dan *chissip* yang kasar, bunyi *tet* yang tajam serta bunyi *tsooit* yang tinggi. Semasa terbang, ia mengeluarkan bunyi *tet-tet-tet*.

PEMBIAKAN

Spesies ini membiak sepanjang tahun di mana sarang dibina pada bahagian lubang pokok atau bangunan dan adakalanya ia bertelur di dalam sarang Ciak Tempua, *Ploceus philippinus* yang ditinggalkan. Telur yang dihasilkan sebanyak 3-6 biji, berwarna putih kebiruan berkilat serta terdapat bintik-bintik berwarna coklat dan coklat kelabu yang berukuran kira-kira 19.2 X 14.2 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, tidak disenaraikan.